

14 September 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

JANGAN SEBAR MAKLUMAT MENGELIRUKAN MENGENAI BEKALAN AIR DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, Khamis (14/9/2017): Berhubung tuduhan yang disiarkan dalam laporan berita baru-baru ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin menjelaskan fakta berikut:

1. Tiada kenaikan tarif air di Pulau Pinang tahun ini kerana PBAPP tidak memohon kenaikan tarif air pada tahun 2017.

Pengguna domestik Pulau Pinang menikmati tarif air domestik yang paling rendah di Malaysia (RM0.32 setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter sebulan pertama), iaitu 4 kali lebih rendah berbanding dengan tarif di Johor (RM1.31 bagi setiap 1,000 liter).

2. Kami sedang menunggu kelulusan untuk kajian semula surcaj penjimatan air (WCS) yang hanya akan memberi kesan kepada 23% pengguna domestik yang menggunakan lebih daripada 35,000 liter sebulan.

WCS BUKAN kajian semula tarif tetapi penalti yang hanya dikenakan kepada pengguna domestik yang menggunakan terlalu banyak air di rumah. WCS menggalakkan pemuliharaan air domestik di Pulau Pinang, dan ia inisiatif "hijau" untuk mengurangkan pelepasan air kumbahan.

Permohonan PBAPP untuk kajian semula WCS 2017 bertarikh 28/4/2017. Kami masih menunggu kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

3. Peratusan NRW Penang adalah yang kedua paling rendah di Malaysia dan PBAPP berusaha terus mengurangkannya lagi.

4. PBAPP tidak menghadapi sebarang “defisit aliran tunai” seperti yang didakwa.

77% PENGGUNA DOMESTIK PULAU PINANG MEMBAYAR TARIF TERENDAH IN MALAYSIA

Kira-kira 77% pengguna domestik di Pulau Pinang menikmati tarif terendah di Malaysia untuk penggunaan sehingga 35,000 liter sebulan.

Satu fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa purata tarif domestik Pulau Pinang sebanyak RM0.32 setiap 1,000 liter adalah yang terendah di Malaysia,

(Sila rujuk Appendix A untuk perbandingan tarif air domestik di Malaysia).

DASAR “TIADA CATUAN AIR” MENYEBABKAN PERATUSAN NRW PENANG MENINGKAT. BAGAIMANAPUN, NRW 21.5% di PULAU PINANG MASIH BERADA DI BAWAH PURATA KEBANGSAAN 35.2%.

Peratusan NRW Pulau Pinang (21.5%) adalah yang kedua paling rendah di Malaysia pada tahun 2016. Satu-satunya negeri yang mencatatkan peratusan air tanpa hasil (NRW) yang lebih rendah adalah Melaka (19.0%).

Peratusan purata NRW kebangsaan adalah 35.2% pada tahun 2016, seperti yang disiarkan dalam laman web SPAN (www.span.gov.my).

NRW merupakan air yang hilang akibat paip pecah, kebocoran, kecurian air, pemadaman kebakaran dan pemeteran tidak tepat.

(Sila rujuk Appendix B untuk perbandingan peratusan NRW di Malaysia).

Peratusan NRW Pulau Pinang meningkat sebanyak 3.2%, daripada 18.3% pada 2014 kepada 21.5% pada 2016. Peningkatan ini bukan disebabkan oleh penurunan kecekapan operasi.

Ia berkaitan dengan pelaksanaan dasar “TIADA CATUAN AIR” Pulau Pinang, yang dilaksanakan dari tahun 2014, untuk menangani cabaran perubahan iklim dan musim kemarau yang berpanjangan.

Terdapat laporan kejadian catuan air di negeri-negeri berikut di Malaysia, dalam tempoh 2014 - 2016:

2014	Johor, Kuala Lumpur, Negri Sembilan, Perak dan Putrajaya dan Selangor
2015	Johor dan Negri Sembilan
2016	Johor, Kedah, Perak, Perlis dan Selangor

Tiada kejadian catuan air di Pulau Pinang.

Dalam 3 tahun yang lalu, disebabkan oleh perubahan iklim, PBAPP telah mengepam air terawat dengan tekanan yang lebih tinggi dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua untuk memastikan tidak ada catuan air ketika musim kemarau dan untuk memenuhi permintaan air yang semakin meningkat.

Walau bagaimanapun, mengepam air pada tekanan yang lebih tinggi menyebabkan saluran agihan yang lebih kecil, beberapa daripadanya usang, pecah atau bocor, mengakibatkan kerugian NRW yang lebih tinggi.

Walaupun pengurusan NRW adalah penting, keutamaan No. 1 bagi PBAPP hari ini adalah “tiada catuan air” dalam menghadapi perubahan iklim. PBAPP telah melaksanakan penyelesaian pengurusan NRW yang kini berjalan, seperti memasang injap pengurang tekanan (PRV) bagi pengurusan tekanan. Kami juga melaksanakan projek penggantian paip dan penggantian meter.


Sila ambil perhatian bahawa sejak pengkorporatan PBAPP pada tahun 1999, NRW Pulau Pinang telah turun naik di antara 16.9% dan 23.9%. Peratusan NRW sebanyak 23.9% dicatatkan pada tahun 1999, ketika tempoh pentadbiran kerajaan negeri sebelumnya.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

Appendix A: Perbandingan Tarif Air Domestik di Malaysia



Appendix B: Perbandingan Peratusan NRW di Malaysia

COMPARISON OF 2016 NRW PERCENTAGES IN MALAYSIA.

(Source: SPAN - www.span.gov.my)

